



## NEWS CLIPPINGS



Headline : Menyediakan pelajar yang berdaya saing seiring dengan kehendak industri  
Media : Berita Harian  
Date : 20 December 2019  
Page : 48





## impact

Kurang daripada sebulan selepas graduasi, Thiviya Ramalingam, graduan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah berjaya mendapat pekerjaan yang diimpikannya di Exxon Mobil di Singapura.

Graduan Kejuruteraan Mekanikal berusia 23 tahun itu memilih untuk bekerja di syarikat multinasional minyak dan gas kerana tertarik dengan kerjaya yang mencabar dan ganjaran yang menarik. Dia bekerja sebagai seorang jurutera *Fixed Equipment and Inspection* dengan ExxonMobil Chemical Operations Pte Ltd. pada bulan Jun 2019 dan menikmati setiap saat pekerjaannya.

"Pekerjaan ini mencabar tetapi itulah yang diharapkan dan saya amat menyukainya" tambah beliau.

Untuk mendapatkan pekerjaan yang diimpikannya, dia memberi kredit kepada jadal akademik yang ketat dan kemahiran insaniah yang berjaya diajarkan semasa di UTP. "Pengalaman di UTP adalah gabungan antara pengetahuan teknikal dan menajamkan kemahiran. Budaya UTP yang menggabungkan senario sebenar dunia kejuruteraan dan pengajian akademik telah berjaya membuka minda saya terhadap senario dunia korporat. Penglibatan saya dalam pelbagai program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh UTP telah berjaya mengasah bakat insaniah saya," katanya.

Menurutnya para pensyarah dan mentor memainkan peranan penting dalam menyediakan dirinya untuk memasuki pasaran kerja. "Mereka mengajar saya cara bagaimana untuk terus berjaya dalam bidang yang saya ceburi walaupun berdepan dengan kesukaran atau kekecewaan. Itulah yang membentuk saya menjadi diri saya hari ini."

Graduan Kejuruteraan Awam, Yap Zhi Kuan juga memberi kredit kepada pensyarahnya dalam menentukan hala tuju kerjayanya. "Selepas semester akhir di UTP, saya diberi pilihan samada untuk meneruskan pengajian pasca siswazah atau memasuki industri, tetapi penyelia projek tahun akhirnya telah membantu mengenalpasti keutamaannya dan mengecilkkan skop pilihan yang ada.

"Setelah tamat pengajian pada bulan Mei, saya pergi bercuti dan selepas itu mula mencari peluang-peluang pekerjaan. Saya mendapat kerja



"Budaya UTP yang menggabungkan senario dunia kejuruteraan sebenar dengan pengajian akademik telah membuka minda saya kepada senario korporat."

Thiviya Ramalingam

dalam masa tiga bulan sebagai *Associate Subsea Engineer* di McDermott Asia Pacific.

Yap dan Thiviya adalah antara contoh kejayaan graduan UTP yang sejak dua dekad lalu telah mencatat trek rekod yang tinggi. Kebiasaannya, 90% daripada graduannya mendapat pekerjaan enam bulan selepas graduasi. Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehal Pelajar dan Alumni UTP, Profesor Madya Dr Nor Hisham Hamid, kejayaan universiti terletak pada kurikulum akademik dan cara bagaimana pihak universiti menyediakan pelajar-pelajarnya untuk pasaran kerja terutama dalam sektor minyak, gas dan tenaga.

"Misi kami adalah untuk menghasilkan graduan yang serba boleh dengan tujuh ciri utama, iaitu kecakapan teknikal, pemikiran kritis, kemahiran berkomunikasi dan perlakuan, bijak berniaga, kebolehan praktikal, kebolehan penyelesaian masalah dan komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Model ini telah dikembangkan 22 tahun lalu dan telah banyak membantu kami menghasilkan graduan-graduan yang diperlukan oleh industri," kata Hisham. Beliau menambah sebahagian besar perkembangan para pelajar terbentuk di luar bilik kuliah.

Beliau turut berkata UTP memberi penekanan kepada pelajar-pelajarnya untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti kurikulum seperti menganjurkan pesta konvo, berniaga secara kecil-kecilan, bersukan atau terlibat dalam program seni kebudayaan.

"Dengan cara ini ia dapat mengembang dan mengasah kemahiran berkomunikasi, kebolehan praktikal dan bijak berniaga. Para pelajar mendapat pengalaman sebenar tentang kepentingan mengurus masa, cara mengurus belanjawan dan projek, di samping dapat membentuk

minat keusahawanan," katanya.

Program latihan industri selama 7 bulan yang dianjurkan oleh UTP adalah yang paling menyeluruh di negara ini dan merupakan kunci kejayaan bagi pelajar-pelajarnya. "Ia memberi kesedaran kepada mereka tentang peluang-peluang yang ada dan lebih terbuka kepada cabaran-cabaran baru," katanya. Beliau menambah kira-kira separuh daripada graduan UTP mendapat pekerjaan di tempat mereka menjalani latihan industri.

### PUJIAN DARIPADA INDUSTRI

Kualiti graduan UTP sememangnya telah mendapat perhatian daripada industri dan para majikan. Pengarah Urusan Kumpulan Deleum Bhd. Nan Yusri Nan Rahimy berkata secara keseluruhannya, memang terdapat perbezaan yang ketara antara graduan UTP dan graduan-graduan universiti tempatan yang lain.

"Apabila kami merekrut pekerja-pekerja baru, kecakapan teknikal adalah suatu kemahiran yang perlu sedia ada. Selain mahir bertutur dalam Bahasa Inggeris, kami mencari calon-calon yang pandai berkomunikasi dan berinteraksi," katanya. Menurutnya, para graduan kini yang memasuki alam pekerjaan kekurangan ciri-ciri yang dinyatakan.

"Kemahiran bukan teknikal adalah sangat penting kerana kami mencari pekerja yang boleh berinteraksi dengan para pelanggan dan pembekal dan pada masa yang sama

"Pembelajaran tidak lagi menggunakan pendekatan tradisional tetapi melalui Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (CETaL) kami melihat cara yang terbaik bagaimana pelajar boleh belajar. Kami melatih para pensyarah untuk mengenalpasti perbezaan cara pelajar belajar."

Profesor Madya Dr. Nor Hisham Hamid, UTP



## MENYEDIAKAN PELAJAR YANG BERDAYA SAING SEIRING DENGAN KEHENDAK INDUSTRI

Misi Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) untuk melahirkan graduan yang serba boleh telah membuahkan hasil dengan 90 peratus daripada graduan-graduannya telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah graduasi.



"Apabila kami merekrut pekerja baru, kecakapan teknikal adalah satu kemahiran yang perlu sedia ada. Selain mahir bertutur dalam Bahasa Inggeris, kami mencari calon-calon yang pandai berkomunikasi dan berinteraksi."

Nan Yusri Nan Rahimy, Deleum

boleh berfikir secara kritis," tambah beliau.

Dr. Shahrlul Yazid Yahaya, salah seorang Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan di Intel Malaysia berkata syarikatnya mencari "calon-calon yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal masing-masing tetapi boleh berfikir secara kritis,

bertindak secara teratur dan sistematik dan boleh berkomunikasi secara berkesan." Beliau menambah syarikatnya mencari calon-calon yang boleh menunjukkan kesediaannya untuk terus belajar, bekerja berpasukan dan pada masa yang sama melaksanakan tugas dengan penuh etika.

Syarikatnya telah mengambil ramai graduan UTP untuk bekerja sejak kebelakangan ini. "Kerana itulah kampus UTP terus menjadi destinasi penting bagi Intel Malaysia untuk mencari pekerja-pekerja baru," katanya.

"Setelah menamatkan pengajian pada bulan Mei, saya telah pergi bercuti dan selepas itu baru mencari peluang-peluang pekerjaan. Saya mendapat kerja dalam tempoh masa tiga bulan."

Yap Zhi Kuan



Nan Yusri juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Penasihat Perkembangan Pelajar UTP berkata, selain menawarkan persiapan dari segi akademik dan bukan akademik, kehadiran pelajar-pelajar multinasional di UTP menjadi pendorong dalam usaha UTP menyediakan para graduannya untuk pasaran kerja.

"Komuniti pelajar antarabangsa memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mempelajari budaya baru untuk berinteraksi dengan mereka yang mempunyai latarbelakang yang berbeza. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan mereka dan menjadi aset yang baik apabila mereka memasuki dunia pekerjaan," tambahnya.

Deleum, sebuah syarikat tersenarai awam dalam sektor minyak dan gas telah merekrut ramai graduan UTP setiap tahun melalui program graduan jurutera Deleum. "Graduan-graduan ini telah mempamerkan prestasi yang baik dan mereka telah menyertai program kami dari peringkat awal masih lagi bekerja dengan Deleum," tambahnya.

### GRADUAN MASA DEPAN

Menurut Hisham, selain menyediakan para pelajar untuk pasaran kerja semasa, UTP sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di tempat kerja. "Justeru memastikan para graduan kami selari dengan kehendak industri adalah sangat penting."

"Kami melakukannya dengan memastikan asas kurikulum program kami adalah kukuh. Kami mencabar pelajar-pelajar membuat pelbagai projek dan mengubah cara kami mengajar. Melalui Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan

Pembelajaran (CETaL) kami melihat cara yang terbaik untuk pelajar belajar. Kami juga melatih para pensyarah untuk mengenalpasti perbezaan cara pelajar belajar."

"Dengan melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah, ia memberi peluang kepada para pelajar untuk pembelajaran sendiri, dan para

pensyarah menjadi pemudahcara membantu pembelajaran melalui perbincangan dalam bilik kuliah. Para pelajar juga diberi peluang untuk memberi cadangan penyelesaian. Mereka menyedari bahawa mereka dilatih untuk mempertahankan idea mereka, membuat perundingan, berinteraksi dan berhubung melalui proses ini. Ini adalah kemahirann yang dipandang tinggi di tempat pekerjaan," tambah beliau.

Sebagai sebuah universiti yang fokus terhadap kursus Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik, UTP kini selari dengan keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja hari ini.

"Program kami memberi penekanan kepada asas, kerana walaupun masa berubah namun asasnya tetap tidak akan berubah. Tetapi kami bersikap fleksibel dan boleh menambah kursus-kursus yang diperlukan bagi memenuhi keperluan masa depan," katanya.

Sebagai contoh, pada bulan September tahun ini, UTP telah memperkenalkan program pengurusan perniagaan dengan memberi tumpuan kepada analisis data. "Ini adalah bidang baru, namun kami masih memberi tumpuan kepada minyak dan gas. Program ini tidak sama dengan ijazah perniagaan konvensional yang lain, kerana ia akan membuat banyak kajian kes tentang minyak dan gas," katanya.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke [impact@utp.edu.my](mailto:impact@utp.edu.my) atau layari [www.utp.edu.my](http://www.utp.edu.my)